

# UPM terima sijil MS ISO ke-40

**U**NIVERSITI Putra Malaysia (UPM), baru-baru ini, mendapat pengiktirafan ke-40 apabila menerima Pensijilan Kualiti MS ISO 9001:2000 daripada Sirim Berhad (Sirim) bagi pengajian prasiswazah Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul.

Sijil disampaikan Pengerusi dan Ketua Eksekutif Sirim, Datuk Dr Mohd Ariffin Aton kepada Naib Canselor UPM, Prof Datuk Dr Nik Mustapha R Abdullah.

Nik Mustapha berharap lebih banyak pusat tanggung-jawab (PTJ) universiti itu dianugerahkan sijil MS ISO kerana proses setiap jabatan yang mendapat pengesahan Sirim secara tidak langsung menyumbang peningkatan kecekapan serta keberkesanannya.

"Menjadi hasrat universiti supaya setiap PTJ memiliki sistem pengurusan cekap serta mengutamakan hasil kerja bermutu tinggi dalam menawarkan perkhidmatan dengan mengutamakan kehendak pelanggan."

"Selaras hasrat ini, universiti menetapkan setiap PTJ melaksanakan sistem pengurusan berkualiti berlandaskan piawaian diiktiraf peringkat antarabangsa," katanya ketika berucap pada majlis penyerahan sijil berkenaan.

Skop Pensijilan MS ISO 9001:2000 merujuk kepada pelbagai perkara utama dilaksanakan UPM, antaranya pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan penerbitan serta proses sokongan seperti pentadbiran, kewangan, infrastruktur, hal ehwal pelajar, perpustakaan dan latihan.